

Terma-Terma & Syarat-Syarat

Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i)

SILA BACA DAN FAHAMI SETIAP TERMA DAN SYARAT SEBELUM ANDA MENANDATANGANI PERJANJIAN INI.

1. TAKRIF

1.1 Dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, istilah dan ungkapan berikut akan membawa makna yang ditetapkan padanya melainkan konteks mengkehendaki sebaliknya:

“**Akaun Semasa-i & Akaun Simpanan-i**” atau “**CASA-i**” bermakna akaun deposit HLISB yang patuh Syariah.

“**Akaun Semasa & Akaun Simpanan**” atau “**CASA**” bermakna akaun deposit HLBB.

“**Akaun Pelaburan-i**” atau “**IA-i**” bermakna suatu akaun yang wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi penyediaan pembiayaan, mengikut Syariah atas terma bahawa tiada obligasi nyata atau tersirat untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan—

- (a) keuntungan hendaklah dikongsi antara orang yang membayar wang itu sebagai pemberi modal dan orang yang menerima wang itu sebagai pengurus dana; atau
- (b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan;

“**Akaun Pelaburan Berjangka-i**” atau “**TIA-i**” bermakna produk **Akaun Pelaburan-i (IA-i)** yang ditawarkan oleh Bank berdasarkan kontrak patuh Syariah, iaitu kontrak Mudarabah.

“**Akaun Pelaburan Tidak Terhad**” atau “**UA**” bermakna sejenis Akaun Pelaburan-i yang IAH memberikan mandat penuh kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.

“**Aset Pembiayaan Runcit dan Komersial Bank yang Berkualiti dan Terpilih**” bermakna aset pembiayaan runcit dan komersial bank milik HLISB yang dipilih mampu untuk memberikan pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang waktu pelaburan yang telah dipersetujui

“**Bank**” bermakna **Hong Leong Islamic Bank Berhad (No. Syarikat: 686191-W)** atau “**HLISB**”, sebuah Institusi Kewangan Islam yang ditadbir di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 23, Menara Hong Leong, 6 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

“**BNM**” bermakna Bank Negara Malaysia.

“**BCB-i**” bermakna HLISB ‘Business and Corporate Banking-i’.

“**Hari Niaga Bekerja**” bermakna hari HLBB / HLISB dibuka untuk urus niaga di Malaysia mengikut mana-mana yang berkenaan.

“**HLBB**” bermakna Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan, pengganti hak milik dan penerima serah haknya.

“**HLISB**” bermakna Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk cawangan, pengganti hak milik dan penerima serah haknya.

“**Hong Leong Connect**” bermakna perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh HLISB/HLBB untuk membolehkan anda membuka dan mengurus Akaun Pelaburan-i dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau mana-mana peranti elektronik melalui browser internet dengan Kod Keselamatan; dan termasuklah perkhidmatan yang ditambah, dipelbagaikan atau ditarik balik oleh HLBB/HLISB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa.

“**IFSA**” bermakna Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuklah apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya.

“**Helaian Pendedahan Produk**” atau “**PDS**” bermakna lembaran yang mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan dan pendedahan tentang terma-terma utama bagi produk Akaun Pelaburan-i yang berkaitan yang ditawarkan oleh Bank.

“**Mudarabah**” seperti yang diaplikasikan dalam produk ini bermakna kontrak perkongsian untung antara IAH sebagai pemberi modal dan HLISB sebagai pengurus dana berdasarkan perkongsian keuntungan, manakala IAH hendaklah meletakkan sejumlah wang tertentu dengan HLISB bagi jangkamasa yang tertentu, dan HLISB diamanahkan untuk menggunakan modal tersebut bagi usaha niaga tanpa campur tangan daripada IAH bagi menghasilkan pendapatan yang akan diagih-agihkan menurut nisbah perkongsian untung. Sebarang kerugian akibat dari pelaburan akan ditanggung oleh pemberi modal melainkan terbukti kerugian adalah disebabkan salah laku dan kecuaiian oleh pihak pengurus dana. Manakala, HLISB akan menanggung kerugian daripada sudut kos dan masa.

“**Nisbah Perkongsian Untung**” atau “**PSR**” bermakna nisbah perkongsian untung yang ditetapkan terlebih dahulu untuk dikongsi antara IAH sebagai pemberi modal dengan HLISB sebagai pengurus dana.

“**Pemegang Akaun Pelaburan**” atau “**IAH**” bermakna pemegang akaun bagi Akaun Pelaburan-i. Di bawah produk ini juga, pemegang akaun akan dianggap sebagai ‘**Pelabur**’.

“**Penilaian Kesesuaian Pelabur**” atau “**ISA**” bermakna penilaian yang dilakukan oleh HLISB untuk mengumpul maklumat yang diperlukan daripada bakal IAH untuk membentuk asas yang wajar bagi sebarang cadangan daripada Bank.

“**Tarikh Matang**” jika tarikh matang adalah pada hari Ahad, cuti umum atau pada hari yang Bank tidak mengurus niaga, tarikh matang akan dianggap jatuh pada hari niaga bekerja Bank yang berikutnya.

“**Syariah**” bermakna Undang-undang Islam yang berkaitan dengan segala aspek kehidupan manusia yang ditetapkan oleh Tuhan kepada hambanya. Undang-undang ini dibahagikan kepada tiga, iaitu, yang berkaitan dengan kepercayaan (aqidah), yang berkaitan dengan ibadat (fiqh) yang berkaitan dengan etika (akhlaq). Berdasarkan makna ini, Syariah juga bermaksud Islam.

“**Patuh Syariah**” bermakna selaras dengan prinsip Syariah seperti yang ditentukan oleh Penasihat Syariah HLISB dan sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

“**Tanazul**” bermakna pengguguran hak terhadap keuntungan oleh IAH pada permulaan kontrak yang akan berkuat kuasa jika berlaku sesuatu perkara peristiwa.

“**Terma-terma & Syarat-syarat**” bermakna terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam risalah ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh HLISB / HLBB dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

1.2 Tafsiran

- (a) Perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin serta neuter dan sebaliknya. Perkataan yang menunjukkan tunggal merangkumi majmuk dan sebaliknya. [Nota: Takrif ini tidak terpakai untuk versi bahasa Melayu ini].
- (b) Jika IAH terdiri daripada dua orang atau lebih, obligasi dan tanggungan setiap orang adalah bersama dan berasingan.

2. PRINSIP SYARIAH

- 2.1 TIA-i ialah akaun pelaburan-i berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (*Mudarabah*). IAH sebagai pemberi modal/pelabur melabur di dalam TIA-i dan Bank akan menerima pelaburan tersebut di bawah konsep UA iaitu IAH membenarkan Bank untuk melaburkan modal tersebut tanpa apa-apa sekatan atau syarat khusus. Bank akan menguruskan wang dalam TIA-i termasuklah dengan menggunakan atau melaburkan wang tersebut dalam jumlah kredit dalam TIA-i menurut cara yang dianggap sesuai oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan pembiayaan.
- 2.2 Sebarang keuntungan yang dijana daripada pelaburan di dalam aset pembiayaan runcit dan komersial Bank yang berkualiti akan dikongsi di antara IAH dan Bank menurut PSR telah dipersetujui bersama yang juga bergantung pada prestasi aset-aset pembiayaan tersebut, tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini.

- 2.3 Kerugian, jika ada, akan ditanggung oleh IAH, dengan syarat bahawa kerugian tersebut tidak diakibatkan oleh salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat tertentu oleh Bank. Manakala, HLISB akan menanggung kerugian daripada sudut kos dan masa.

3. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

- 3.1 Produk ini diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad (“UA”). UA merujuk kepada sejenis pelaburan iaitu IAH memberi mandat penuh kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan yang mutlak, tanpa menyatakan apa-apa sekatan dan/atau syarat khusus. IAH tidak akan campur tangan ke atas pelaburan yang dikendalikan oleh Bank, terutamanya berkenaan dengan pengendalian produk pelaburan tersebut.
- 3.2 Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH sebagai pelabur / pemberi modal, dan Bank yang bertindak sebagai pengurus dana untuk melaksanakan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH. Bank akan bertanggungjawab untuk menguruskan dana pelaburan yang disediakan oleh IAH. IAH tidak akan terlibat dengan sebarang aktiviti pelaburan yang dikendalikan oleh Bank.
- 3.3 Mereka yang layak dan berprospek untuk melanggan produk ini ialah (i) individu; dan (ii) perniagaan tunggal.
- 3.4 Matlamat asas produk IA ini ialah untuk menjana pulangan yang konsisten dan stabil sepanjang waktu pelaburan yang telah dipersetujui melalui pelaburan berisiko rendah.
- 3.5 Dana pelaburan akan dilaburkan di dalam aset pembiayaan runcit dan komersial Bank yang berkualiti dan terpilih.

4. PEMBUKAAN AKAUN

- 4.1 Sekiranya IAH berprospek mempunyai akaun di HLISB (CASA-i) / HLBB (CASA), TIA-i boleh dilanggan melalui Hong Leong Connect.
- 4.2 Untuk IAH berprospek yang tidak mempunyai CASA-i / CASA, mereka dikehendaki membuka CASA-i terlebih dahulu sebelum melanggan produk TIA-i melalui Hong Leong Connect, di mana-mana cawangan HLISB / HLBB. IAH akan diberikan akses dalam talian untuk Hong Leong Connect oleh cawangan yang berkenaan.
- 4.3 Akaun yang dibuka menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLISB / HLBB dan tertakluk kepada syarat HLISB / HLBB, termasuk syarat bagi umur, deposit minimum, rujukan dan dokumen sokongan yang diterima oleh HLISB / HLBB. HLISB / HLBB boleh menukar syarat tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 4.4 Pemohon hendaklah mematuhi semua keperluan dan syarat Bank untuk membuka CASA-i.

- 4.5 HLISB / HLBB berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka CASA-i tanpa perlu memberikan alasan bagi tindakan tersebut. Pembukaan, pengendalian, dan penutupan akaun adalah sepenuhnya mengikut budi bicara mutlak HLISB / HLBB.
- 4.6 HLISB / HLBB berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas semua maklumat yang diberikan oleh IAH sebagai lengkap, benar dan betul dan IAH memberikan kuasa dan mengizinkan HLISB / HLBB untuk memperolehi mana-mana maklumat yang lain termasuk daripada mana-mana sumber tetapi tidak terhad kepada 'Central Credit Reference Information System' (CCRIS), 'Financial Information System' (FIS), 'Credit Tip-Off System' (CTOS) atau mana-mana agensi rujukan kredit, Pihak Berkuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa dan dalam apa-apa jua tujuan dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diperlukan oleh HLISB / HLBB.

5. NOTIS & PERHUBUNGAN

- 5.1 Sebarang perubahan pada alamat e-mel IAH dan/atau alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon dan/atau tandatangan dan/atau lain-lain maklumat tertentu yang direkodkan di dalam HLISB / HLBB, akan dimaklumkan kepada HLISB / HLBB melalui e-mel atau Hong Leong Connect.
- 5.2 Semua perhubungan yang dihantar oleh HLISB / HLBB melalui e-mel, khidmat pesanan ringkas (SMS), laman sesawang dan/atau Hong Leong Connect, akan dianggap sebagai telah diserahkan kepada dan telah diterima oleh IAH.
- 5.3 HLISB / HLBB tidak berkewajipan untuk menentukan kesahihan komunikasi yang diberikan / disampaikan kepada HLISB / HLBB melalui apa-apa cara atau identiti pemanggil dan hak HLISB / HLBB tidak akan terkesan disebabkan penyalahgunaan atau penggunaan komunikasi tanpa kebenaran. HLISB / HLBB akan ditanggung rugi oleh IAH terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, kos, kerosakan, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti yang mungkin ditanggung kerana menerima dan bertindak atas komunikasi tersebut.
- 5.4 Sebarang perubahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, ciri-ciri salah satu produk kewangan, hak IAH serta tanggungjawabnya, fi dan caj akan dimaklumkan kepada IAH melalui pelbagai bentuk notis yang disebut di dalam Klausula 5.2 di atas, sebelum perubahan itu diperkenalkan.
- 5.5 Sebarang notis daripada IAH kepada HLISB / HLBB, jika dihantar melalui pos atau perkhidmatan kiriman cepat atau ditinggalkan di cawangan, adalah tidak dianggap sebagai diterima oleh HLISB / HLBB kecuali dan jika diperakui penerimaannya secara bertulis oleh HLISB / HLBB.

6. PENGENDALIAN AKAUN

- 6.1 Syarat umur minimum untuk melanggan TIA-i ialah tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun.
- 6.2 Sebarang permohonan untuk langganan TIA-i hendaklah disertakan bersama-sama dengan Penilaian Kesesuaian Pelabur yang telah dilengkapkan melalui Hong Leong Connect.
- 6.3 Jumlah yang akan ditempatkan dalam TIA-i hendaklah dalam Ringgit Malaysia (“RM”) sahaja. Jumlah minimum, dan sebarang tambahan, dan tempoh pelaburan akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan dipersetujui terlebih dahulu oleh IAH sebelum bermulanya pelaburan TIA-i.
- 6.4 Tempoh pelaburan yang ditawarkan adalah dalam tempoh 3 atau 6 bulan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Bank dan dipersetujui terlebih dahulu oleh IAH sebelum dana pelaburan dilaburkan.
- 6.5 Jumlah minimum pelaburan ialah RM 500.
- 6.6 Pengendalian TIA-i akan dibuat melalui nombor akaun khusus. Setiap langganan di bawah nombor akaun khusus akan disertakan bersama nombor resit.
- 6.7 Penyata akaun dalam talian akan disediakan untuk IAH dalam Hong Leong Connect sebelum 5 haribulan bulan berikutnya secara bulanan.
- 6.8 Laporan Prestasi Dana Suku Tahunan akan disediakan untuk IAH dalam laman sesawang korporat Bank secara suku tahunan.
- 6.9 TIA-i akan ditamatkan apabila berlaku sebarang peristiwa berikut:
 - (a) kebangkrapan dan/atau pembubaran dan/atau penyelesaian IAH; atau
 - (b) pengeluaran semua atau sebahagian daripada jumlah prinsipal yang dilaburkan oleh IAH; atau
 - (c) IAH memungkir sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat dalam perjanjian ini; atau
 - (d) IAH tidak bersetuju terhadap apa-apa perubahan dan pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat.
- 6.10 Jika tarikh matang TIA-i jatuh pada bukan Hari Bekerja, Bank akan membuat pembayaran pada Hari Bekerja yang berikutnya.
- 6.11 Langganan dana pelaburan TIA-i hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect, dan akan dipindahkan dari CASA-i / CASA milik IAH dengan HLISB / HLBB kepada TIA-i.

6.12 Sebarang langganan dana pelaburan daripada bank-bank lain akan dipindahkan melalui Bayaran FPX (*Financial Process Exchange*). Pemindahan dana pelaburan tersebut, jika dikenakan sebarang fi dan/atau caj, akan ditanggung oleh IAH.

7. AKTIVITI PELABURAN

7.1 TIA-i ialah produk UA berdasarkan kontrak patuh Syariah, iaitu kontrak *Mudarabah*.

7.2 Semua langganan pelaburan hanya akan dibuat melalui Hong Leong Connect. Semua arahan dan sekatan yang terkandung di dalamnya hendaklah dipatuhi dengan ketat. IAH juga bersetuju bahawa Bank bebas memperlakukan pelaburan sedemikian selaras dengan kontrak *Mudarabah* dalam kapasiti Bank sebagai pengurus dana (*Mudarib*).

7.3 Penerimaan dana pelaburan melalui Hong Leong Connect untuk dikreditkan ke dalam TIA-i adalah menurut budi bicara tunggal Bank.

7.4 Dana yang dilaburkan oleh IAH akan dilaburkan dalam aset pembiayaan runcit dan komersial Bank yang berkualiti dan terpilih.

7.5 Tempoh pelaburan yang ditawarkan oleh Bank ialah 3 atau 6 bulan.

7.6 IAH akan mempunyai pilihan untuk memilih antara pelaburan yang mempunyai ciri pembaharuan pelaburan secara automatik atau tidak. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Tanpa Pembaharuan Secara Automatik – pelaburan akan menjadi matang pada tarikh matang yang telah dinyatakan. Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) milik IAH.
- (b) Dengan Pembaharuan Secara Automatik:
 - (i) Modal sahaja (P) – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) milik IAH; atau
 - (ii) Modal berserta keuntungan (P+I).

7.7 Bank mempunyai hak untuk menamatkan sebarang pembaharuan secara automatik, jika penamatan sedemikian dianggap perlu oleh Bank untuk manfaat mana-mana pihak.

7.8 IAH mengakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko yang berkaitan dengan TIA-i, termasuk sebarang kemungkinan untuk mengalami kerugian kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal dalam TIA-i tersebut.

8. PELABURAN MODAL

8.1 Bank berakujanji untuk menggunakan atau melabur jumlah wang yang dilabur untuk menjana pulangan melalui kemahiran dan usahanya dalam pelaburan dan/atau perniagaan yang dianggapnya wajar dan sesuai, dengan syarat pelaburan dan/atau perniagaan ini

tidak bercanggah dengan keperluan Syariah. IAH seterusnya bersetuju untuk tidak akan mencampur tangan dengan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Bank sebagai pengurus dana (*Mudarib*).

- 8.2 TIA-i adalah akaun pelaburan-i bertempoh yang diklasifikasi di bawah UA iaitu IAH memberikan mandat sepenuhnya kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat-syarat tertentu. TIA-i diklasifikasikan sebagai “Akaun Pelaburan” di bawah Seksyen 2 IFSA.
- 8.3 Dana yang dilaburkan oleh IAH akan dilaburkan di dalam aset pembiayaan runcit dan komersial Bank yang berkualiti dan terpilih, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan dan selaras dengan matlamat serta tujuan pelaburan.
- 8.4 Bank akan menganggap TIA-i sebagai akaun yang berasaskan tempoh dan sebarang dana dalam TIA-i akan dilabur selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat dalam perjanjian ini. Bank akan menentukan pulangan bersih portfolio pelaburan yang juga termasuk sebarang perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan dana pelaburan.
- 8.5 Pelaburan akan dinilai atas dasar bulanan dan keuntungan akan dibahagikan apabila matang selaras dengan PSR yang dipersetujui.
- 8.6 Bank boleh pada bila-bila masa, tanpa liabiliti kepada IAH, mendedahkan maklumat yang wajar, tepat, relevan dan tepat pada masanya berkenaan TIA-i kepada IAH menurut kekerapan dan dengan sebarang cara atau kaedah yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

9. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN

- 9.1 Bank akan membayar keuntungan kepada IAH yang dijana daripada TIA-i, jika ada, berdasarkan kepada PSR pada tarikh matang atau pada bila-bila waktu sebagaimana yang ditetapkan di dalam PDS, selaras dengan jangkaan kadar keuntungan yang telah ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.2 Pengiraan keuntungan akan ditentukan oleh Bank dan boleh dirujuk oleh IAH dalam PDS.
- 9.3 Sebarang kerugian ke atas jumlah pelaburan utama akan ditanggung sepenuhnya oleh IAH, **KECUALI** untuk sebarang kerugian yang terjadi yang diakibatkan oleh kecuaiian, penipuan dan keingkaran yang disengajakan oleh Bank.
- 9.4 Bank akan membayar keuntungan yang dijana daripada TIA-i berdasarkan PSR, jika ada, ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) milik IAH, pada tempoh matang atau pada bila-bila waktu sebagaimana yang dinyatakan dalam PDS.

9.5 Sekiranya lebih keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan yang dijangka, IAH bersetuju bahawa lebih keuntungan tersebut, jika ada, akan diketepikan oleh IAH di bawah prinsip Syariah, Tanazul, dan akan dimiliki oleh Bank.

10. PENGELUARAN

10.1 Pengeluaran sebahagian daripada dana yang telah dilaburkan dalam TIA-i sebelum tarikh matang adalah tidak dibenarkan.

10.2 Pengeluaran daripada TIA-i apabila matang hendaklah mengikut terma-terma dan/atau syarat-syarat yang telah dipersetujui di antara Bank dan IAH.

10.3 Sekiranya pelaburan tersebut menanggung kerugian, jumlah yang akan dibayar kepada IAH adalah jumlah selepas mengambil kira kerugian yang ditanggung oleh pelaburan.

10.4 Bank mempunyai hak untuk menggantung sebarang pengeluaran daripada TIA-i. Walaubagaimanapun, penggantungan pengeluaran hanya boleh dilakukan dalam keadaan berikut:

(a) Keadaan luar biasa, dengan mengambil kira kepentingan IAH, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) kegagalan seluruh pasaran atau krisis / kegawatan kewangan / ekonomi seperti kejatuhan pasaran saham dan kejatuhan harga aset; (ii) isu operasi seperti bekalan elektrik terputus atau kerosakan sistem secara besar-besaran; dan (iii) *force majeure*, (seperti yang diterangkan dalam klause 17)

(b) Demi kepentingan IAH, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) aset pendasar tidak dapat dicairkan pada harga dan terma-terma yang sesuai untuk memenuhi penebusan. Bagi tujuan ini, harga aset tidak cair akan diperolehi daripada atau disahkan oleh pihak ketiga yang bebas, yang mungkin dilakukan sama ada sebelum atau selepas penggantungan tersebut; dan (ii) kepentingan IAH akan terjejas secara material jika urusan tidak digantung.

10.5 Bank membenarkan pengeluaran pramatang daripada TIA-i, tetapi tiada keuntungan akan ke atas mana-mana TIA-i yang mempunyai Tarikh Matang 3 atau 6 bulan jika pengeluaran dilakukan sebelum tempoh Tarikh Matang.

11. PENUTUPAN & PEMBEKUAN AKAUN

11.1 Penutupan TIA-i boleh dibuat oleh IAH melalui Hong Leong Connect, selaras dengan terma-terma dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bank. Bank akan dimaklumkan tentang penutupan TIA-i sewajarnya.

11.2 Bank akan menguatkuasakan penutupan TIA-i apabila IAH mengeluarkan keseluruhan dana pelaburan daripada TIA-i.

- 11.3 IAH seterusnya bersetuju bahawa Bank berhak menutup TIA-i milik IAH menurut budi bicara mutlak Bank tanpa perlu memberikan apa-apa sebab, dengan memberikan notis selama sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada IAH.
- 11.4 IAH hendaklah mematuhi semua syarat dan keperluan Bank, jika ada, untuk penutupan TIA-i.
- 11.5 Tanpa prejudis terhadap sebarang hak lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank untuk membekukan TIA-i pada bila-bila masa selaras dengan atau menurut sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan/atau enakmen, Bank berhak pada bila-bila masa, menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dan tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu kepada IAH, untuk tidak melaksanakan atau menjalankan apa-apa arahan atau transaksi di bawah TIA-i, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua arahan atau transaksi berikut (a) pembayaran sebarang wang di bawah atau keluar daripada TIA-i; (b) penerimaan sebarang wang atau pelaburan atau sebarang instrumen lain untuk pungutan dan atau untuk dikreditkan ke dalam TIA-i (“Pembekuan TIA-i”) apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:-
- (a) Bank dimaklumkan bahawa IAH telah melakukan suatu tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan, mengikut keadaan, telah difailkan atau dikemukakan terhadap IAH (“hal-hal insolvensi IAH”);
 - (b) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain (“pihak berkuasa berkaitan”) agar tidak melaksanakan sebarang transaksi di bawah TIA-i seperti yang dinyatakan di atas tidak kiralah sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau kuasa yang sah untuk membuat permintaan tersebut kepada Bank (“arahan pihak berkuasa berkaitan”).
- 11.6 Pembekuan TIA-i akan dihentikan atau ditamatkan apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:
- (a) Berhubung dengan hal-hal kebangkrapan IAH, IAH hendaklah mengemukakan bukti yang wajar kepada Bank hingga memuaskan hati Bank, bahawa Notis Kebankrapan atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah atau apabila perintah mahkamah yang bersesuaian yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan TIA-i disampaikan kepada Bank;
 - (b) Berhubung dengan pertikaian dalaman IAH, pertikaian tersebut telah diselesaikan antara semua pihak yang terlibat dan satu kenyataan bertulis mengandungi penyelesaian tersebut yang ditandatangani oleh semua pihak yang terlibat telah disampaikan kepada Bank meminta penamatan Pembekuan TIA-i dengan tidak bersyarat atau secara alternatif satu perintah mahkamah telah disampaikan kepada Bank yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan TIA-i;

- (c) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkenaan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk melaksanakan penamatan Pembekuan TIA-i atau secara alternatif, perintah mahkamah yang bersesuaian yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan TIA-i telah disampaikan kepada Bank.
- 11.7 Dengan membekukan TIA-i selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini termasuk sebarang tindakan yang boleh diambil oleh Bank, IAH bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau kemungkiran kontrak dan/atau atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj pun jua yang mungkin dituntut terhadap Bank oleh IAH atau oleh mana-mana orang lain atas apa jua sebab dan tidak kira apakah kenyataan yang diberikan oleh Bank untuk pemulangan tersebut. Berhubung dengan perkara ini, IAH selanjutnya bersetuju dan berakujanji untuk menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk gantirugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh mana-mana orang lain.
- 11.8 IAH bersetuju bahawa sekiranya Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang tindakan guaman berbangkit daripada tindakan Bank yang Membekukan TIA-i di dalam ini atau jika Bank, sebelum atau selepas Pembekuan TIA-i, memulakan sebarang tindakan guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interplider terhadap mana-mana pihak termasuk IAH untuk apa-apa relief atau deklarasi yang bersesuaian yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, gantirugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung rugi sepenuhnya oleh IAH.
- 11.9 Dengan bertindak selaras dengan sebarang terma, syarat dan peruntukan di dalam ini, IAH bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan atau kos apa-apa pun yang boleh dituntut terhadap Bank atas dasar bahawa Bank belum dimaklumkan tentang peristiwa berkaitan yang disebut dalam Klausula 11.9 atas alasan makluman tersebut adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal, tidak berkuat kuasa atau atas sebarang alasan lain. Istilah IAH di mana jua disebut di dalam ini hendaklah bermaksud mana-mana seorang atau lebih daripada seorang atau semua IAH jika IAH adalah lebih daripada seorang.
- 11.10 Sekiranya Bank mengesyaki bahawa akaun IAH terlibat dalam sebarang kes penipuan, atau berkemungkinan adalah penipuan, jenayah kewangan, aktiviti haram atau sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank hendaklah, (tertakluk kepada sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang) mengeluarkan suatu notis bertulis kepada IAH untuk penjelasan/mengesahkan transaksi tersebut. Jika IAH gagal memberikan sebarang penjelasan atau penjelasan tersebut tidak memuaskan kepada Bank, Bank berhak untuk

menutup, membekukan atau mengambil tindakan terhadap akaun IAH itu sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

12. PENYATA AKAUN

- 12.1 Penyata akaun bulanan dalam talian akan disediakan oleh Bank melalui Hong Leong Connect, yang menyenaraikan segala transaksi dalam tempoh tersebut.
- 12.2 IAH dikehendaki menyemak transaksi yang direkodkan dalam sejarah transaksi atau penyata yang disediakan di dalam talian melalui Hong Leong Connect dan hendaklah memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, ketaksekatan, percanggahan, tuntutan atau debit atau perkara yang tidak dibenarkan. Jika IAH gagal memaklumkan Bank bahawa penyata tidak diterima atau tidak memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, percanggahan, tuntutan atau debit yang tidak dibenarkan atau perkara dalam sejarah transaksi atau penyata yang disediakan dalam talian dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh transaksi dimasukkan di atas talian atau tarikh penyata, mengikut keadaan, IAH akan dianggap menerima dengan konklusif semua pemasukan yang terkandung di dalam penyata yang disediakan di dalam talian dan/atau penyata bulanan, mengikut keadaan, sebagai benar dan tepat dari semua segi.

13. KOS, PERBELANJAAN, & BAYARAN

- 13.1 IAH bersetuju bahawa HLISB / HLBB berhak mengenakan fi dan caj seperti yang dinyatakan di laman sesawang HLISB / HLBB, untuk sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada IAH, selaras dengan amalan semasa HLISB / HLBB. Fi dan caj tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau GST, jika ada) hendaklah ditanggung oleh IAH. Fi dan caj yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah termasuk Cukai Perkhidmatan, GST atau apa-apa bentuk cukai yang akan dilaksanakan pada masa hadapan, jika ada, di mana berkenaan.
- 13.2 HLISB / HLBB mempunyai hak mutlak untuk mengubah bayaran khidmat, komisyen dan bayaran lain tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan dua puluh satu (21) hari notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 13.3 Sekiranya HLISB / HLBB perlu di sisi undang-undang untuk menahan sebarang jumlah, HLISB / HLBB berhak untuk mengurangkan daripada sebarang jumlah yang terhutang kepada IAH apa-apa penahanan atau cukai atau bayaran lain yang perlu dibayar berhubung dengan sebarang pendapatan atau faedah / keuntungan ke atas jumlah belum langcai dalam TIA-i.

14. PENEPIAN

- 14.1 Tiada kegagalan atau kelewatan pihak HLISB / HLBB untuk melaksanakan atau apa-apa pengabaian untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru terhadap HLISB / HLBB di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak akan

menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau dijadikan sebagai penepiannya atau persetujuan bagi kemungkiran tersebut, atau tidak ada apa-apa tindakan daripada HLISB / HLBB berhubung dengan apa-apa kemungkiran atau apa-apa persetujuan bagi apa-apa kemungkiran tersebut menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi HLISB / HLBB berhubung dengan apa-apa kemungkiran lain atau berikutnya.

15. TANGGUNG RUGI

- 15.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan kuasa, hak dan remedi yang diberikan kepada HLISB / HLBB menurut dokumen ini, dari segi undang-undang dan/atau ekuiti, IAH hendaklah membebaskan HLISB / HLBB dari sebarang tanggungan dan dengan ini menanggung rugi HLISB / HLBB terhadap apa-apa kerugian, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan guaman atas rundingan peguam cara dan klien sendiri) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh HLISB / HLBB kerana IAH gagal membayar apa-apa jumlah yang terhutang termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa faedah/caj atau fi yang dibayar atau perlu dibayar disebabkan oleh atau berhubung dengan apa-apa dana yang digunakan, dipinjam atau disimpan daripada pihak ketiga untuk mengekalkan jumlah yang gagal dibayar atau untuk mencairkan atau menggunakan semula dana atau deposit tersebut atau apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 15.2 IAH hendaklah menanggung rugi HLISB / HLBB daripada apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh HLISB / HLBB kerana memberi jaminan terhadap apa-apa endorsemen atau pelepasan apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh IAH untuk kutipan dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh HLISB / HLBB akan dianggap telah diberikan atas permintaan nyata IAH dalam setiap hal.

16. HAD TANGGUNGAN

- 16.1 Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam dokumen ini, HLISB / HLBB tidak akan sama sekali bertanggungjawab kepada IAH dan/atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa kerugian (sama ada secara langsung atau tidak langsung) keuntungan atau perniagaan atau nama baik atau walau apa pun atau dengan apa cara sekali pun apa-apa kerugian atau kerosakan secara tidak langsung atau turutan yang timbul walaupun jika HLISB / HLBB dimaklumkan tentang kemungkinan berlaku kerugian atau kerosakan atau tuntutan tersebut oleh mana-mana pihak ketiga.
- 16.2 Tertakluk kepada peruntukan dalam dokumen ini, tanggungan mutlak dan keseluruhan HLISB / HLBB kepada IAH dalam kontrak, tort (termasuk kelalaian atau pelanggaran kewajipan statutori) atau selainnya yang timbul disebabkan oleh atau berkaitan dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dengan apa cara sekali pun tidak boleh melebihi jumlah urus niaga yang terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan langsung yang dialami, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

16.3 Setiap peruntukan dalam Klausa 16 ini akan menjadi had berasingan yang digunakan dan terus berkuat kuasa walaupun, untuk apa-apa sebab, satu atau peruntukan lain tidak berkaitan atau didapati tidak munasabah dalam apa-apa keadaan dan akan terus berkuat kuasa tanpa mengambil kira penamatan TIA-i atau khidmat.

17. FORCE MAJEURE

17.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya HLISB / HLBB tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa khidmat disebabkan oleh apa-apa sebab di luar kawalan HLISB / HLBB, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak penyakit, bencana alam, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, sekatan, perang atau apa-apa faktor dalam bentuk force majeure atau apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, HLISB / HLBB tidak akan sama sekali bertanggung bagi apa-apa kesukaran, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh IAH yang timbul akibat perkara tersebut.

18. KETERASINGAN

18.1 Jika apa-apa peruntukan, terma atau syarat dalam dokumen ini atau apa-apa dokumen cagaran yang diambil adalah atau menjadi tidak sah, terbatal, dilarang atau tidak boleh berkuat kuasa dalam apa jua hal, perkara yang sama tidak boleh berkuat kuasa setakat mana perkara tidak sah, terbatal, dilarang atau tidak boleh berkuat kuasa tersebut tidak membatalkan dalam apa jua cara sekali pun peruntukan lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dokumen cagaran yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

19. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

19.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, garis panduan dan dokumen polisi oleh Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia yang berkaitan yang HLISB / HLBB tertakluk kepadanya tetapi dalam menguatkuasakan haknya, HLISB / HLBB bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap IAH dan mana-mana pihak di Malaysia dan/atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai oleh HLISB / HLBB dan IAH bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaya dan Sabah dan Sarawak dalam semua hal yang berkaitan dengan obligasi dan tanggungannya di bawah atau yang timbul daripada TIA-i dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

20. ARAHAN

20.1 Sebarang arahan daripada IAH kepada HLISB / HLBB terhadap TIA-i hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh IAH, atau melalui e-mel IAH. Sebarang arahan sedemikian hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh HLISB / HLBB.

21. PENYERAHAN HAK ATAU KEWUJUDAN KEPENTINGAN CAGARAN TIDAK DIBENARKAN

21.1 IAH tidak boleh tanpa kebenaran bertulis daripada Bank menyerah hak dan/atau mewujudkan sebarang kepentingan cagaran terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan TIA-i, termasuk tetapi tidak terhad kepada semua wang yang disimpan di dalamnya memihak kepada sesiapa jua kecuali dan melainkan bahawa hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan tersebut boleh diserahkan hak dan/atau diwujudkan memihak kepada Bank.

22. PENDEDAHAN

22.1 Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Malaysia 2013, IAH membenarkan secara mutlak dan tidak boleh ditarik balik, kepada HLISB / HLBB, pegawai dan pekerja mereka untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat tentang TIA-i, Terma-terma dan Syarat-syarat ini, akaun IAH yang sekarang dan akan datang, dan apa-apa perkara yang berhubungan dengan IAH atau perniagaan dan operasinya kepada:

- (a) institusi kewangan lain yang memberikan atau yang bercadang untuk memberikan apa-apa kemudahan kredit/pembiayaan kepada IAH, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, perbadanan jaminan kredit, mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan yang diberikan kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) / Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM);
- (b) mana-mana syarikat semasa atau yang akan datang yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan HLISB / HLBB (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965), termasuk wakil dan pejabat cawangan dan wakil-wakil mereka masing-masing dan juga anak-anak syarikat induk HLISB / HLBB ini;
- (c) Pihak-Pihak pemberi cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan jaminan berkenaan dengan TIA-i;
- (d) juruaudit HLISB / HLBB, peguam dan / atau ejen lain yang berkaitan dengan tuntutan wang yang terhutang dan kena dibayar di bawah ini; dan
- (e) penasihat profesional HLISB / HLBB, pembekal perkhidmatan, penerima penamaan, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang

terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLISB / HLBB dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu dengannya.

- 22.2 IAH dengan ini bersetuju secara mutlak dan tidak boleh ditarik balik dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLISB / HLBB, pegawai dan pekerjanya tidak menanggung sebarang liabiliti untuk memberikan maklumat itu atau akibat daripada penggantungan maklumat yang diberikan mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 22.3 IAH dengan ini bersetuju dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada HLISB / HLBB oleh IAH atau yang diperolehi oleh HLISB / HLBB dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada IAH berkaitan dengan Akaun mengikut Dasar Privasi HLISB / HLBB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

23. TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT

- 23.1 Pengendalian dan penggunaan TIA-i hendaklah berdasarkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan apa-apa terma dan syarat lain yang mungkin ditetapkan oleh HLISB / HLBB. IAH tidak boleh mengubah atau meminda terma ini dalam apa jua bentuk atau cara walaupun HLISB / HLBB mengetahui tentang perubahan atau pindaan tersebut.
- 23.2 Tertakluk kepada sebarang peruntukan Syariah, HLISB / HLBB mempunyai hak, setelah memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar, untuk menambah, memotong atau meminda sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam ini. Sebarang perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan (“Pindaan”) pada peruntukan dalam ini hendaklah mengikat IAH dan HLISB / HLBB dianggap telah membawa perhatian kepada IAH apabila (i) Pindaan dipaparkan di premis dan laman sesawang HLISB / HLBB yang mana butir-butir terperinci mengenai Pindaan boleh dinyatakan dalam notis itu sendiri; atau (ii) melalui notis yang dihantar oleh HLISB / HLBB ke alamat terakhir IAH yang diketahui; atau (iii) melalui e-mel atau melalui Hong Leong Connect atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh HLISB / HLBB dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap IAH daripada tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh HLISB / HLBB dalam makluman.
- 23.3 Jika berlaku sebarang percanggahan diantara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat bagi sebarang perkhidmatan elektronik, telefon dan/atau perbankan internet yang disediakan oleh HLISB / HLBB, terma dan syarat bagi perkhidmatan elektronik, telefon dan/atau perbankan internet akan diterima pakai.

24. PENGANTIAN TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT

- 24.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini menggantikan semua kaedah dan peraturan dan atau terma dan syarat sebelum ini yang mengendali TIA-i.

25. SEKURITI & PENAFIAN

25.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini mengandungi keperluan / arahan kepada IAH mengenai sekuriti akaun mereka, rekod dan instrumen berkaitan dengan akaun. Dimana sebarang terma / keperluan / arahan yang tertera di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak dipatuhi oleh IAH, HLISB / HLBB akan dilepaskan dari segala tanggungan yang berkenaan sama. IAH memahami bahawa dimana akses kepada akaun diberikan oleh IAH kepada pihak lain / pelbagai pihak, IAH akan menangani keperluan untuk melindungi dan memeriksa penyata akaun seperti yang tertera di dalam terma dan syarat ini.

26. WAKTU DAN/ATAU HARI BEKERJA

26.1 Waktu dan/atau hari niaga HLISB / HLBB boleh dilanjutkan, ditukar atau disemak dengan cara lain menurut keperluan perniagaan dan pengendaliannya dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

27. CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN

27.1 IAH akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST), jika ada, yang perlu ditunaikan berhubung dengan atau berbangkit daripada TIA-i atau sebarang perkhidmatan berkaitan dengannya.

28. LAIN-LAIN

28.1 IAH telah membaca dan bersetuju dengan kesemua dokumen pendedahan serta telah mengetahui kesemua risiko-risiko yang turut serta bersama pelaburan ini sebelum IAH membuat sebarang keputusan untuk melabur ke TIA-i ini.

28.2 Sekiranya terdapat aduan berhubung dengan TIA-i, IAH boleh mengemukakan aduan dengan pusat atau mana-mana cawangan HLISB / HLBB. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh pusat atau cawangan HLISB / HLBB tersebut tidak memuaskan hati IAH, IAH boleh menghubungi HLISB / HLBB Unit *Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience* di alamat, nombor telefon, dan alamat e-mel berikut (atau di mana-mana alamat, nombor telefon, dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank dengan memaklumkan IAH): Hong Leong Bank Berhad, Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

No Pusat Panggilan: +603-7626 8899, Emel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my.

28.3 Sekiranya aduan yang diselesaikan oleh HLISB / HLBB tidak memuaskan hati IAH, IAH boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK yang mempunyai alamat, nombor telefon, dan alamat mel elektronik yang berikut: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur. No. Pusat Panggilan: 1-300-88-5465, Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my.

- 28.4 Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara teks Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Melayu atau mana-mana versi lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Tidak bercanggah dengan perkara yang dinyatakan di atas, jika permintaan dibuat oleh IAH bagi versi Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini dalam Bahasa Malaysia, Bank hendaklah menyediakannya dan membenarkan IAH melengkapkan borang yang berkaitan dan menandatangani perjanjian dalam Bahasa Malaysia.
- 28.5 Terma-terma dan Syarat-syarat ini dirangka untuk mematuhi Syariah secara menyeluruh. IAH dan HLISB / HLBB bersetuju bahawa hak dan tanggungjawab mereka masing-masing di dalam ini dirancang agar dan tertakluk kepada dan mematuhi prinsip Syariah (seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan seperti yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia).
- 28.6 Sekiranya terdapat perubahan maklumat peribadi IAH sebagai contoh, alamat pos, IAH harus memberitahu kepada HLISB / HLBB secepat mungkin. Ini adalah penting untuk memastikan semua perhubungan sampai kepada IAH dengan kadar segera.
- 28.7 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.
29. **PERHATIAN:** Sekiranya seseorang IAH gagal mematuhi sebarang terma yang tertera di dalam sebarang bahagian Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan membebaskan HLISB / HLBB dari semua tanggungan.

(Terma-terma & Syarat-syarat Tamat)

AMARAN

PULANGAN TERHADAP AKAUN PELABURAN-i INI AKAN BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. AKAUN PELABURAN-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”).